

17 JAN 2003

Khalil-Umno

KHALIL YAKIN BARISAN KEPIMPINAN BARU AKAN BERJAYA TAWAN KELANTAN

PULAU PINANG, (Bernama) -- Kepimpinan baru Umno Kelantan bersama-sama Umno pusat akan mengatur strategi untuk menawan semula Kelantan pada pilihan raya umum akan datang, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata untuk mencapai matlamat itu, Umno Kelantan dan pusat akan membuat beberapa perubahan dalam pendekatannya pada pilihan raya akan datang.

"Saya percaya usaha ini akan berjaya kerana semua pihak telah memberi keyakinan akan memberi kerjasama dan yakin mereka (kepimpinan baru) akan dapat bekerja dengan lebih berkesan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Retreat Plan Strategik Jangka Panjang (PSJP 2002-2012) Kementerian Penerangan di sini hari ini.

Beliau berkata pemimpin dan anggota Umno Kelantan akan memberi sokongan pada pimpinan baru itu dan ini merupakan satu petanda yang baik.

"Saya percaya mereka yang dilantik ini terdiri dari tokoh-tokoh yang berpengalaman dan mempunyai keyakinan dari pelbagai pihak termasuk pemimpin di akar umbi," katanya.

Pada akhir lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke Kelantan semalam, beliau mengumumkan rombakan dalam barisan Badan Perhubungan Umno negeri dengan timbalan pengerusi Datuk Annuar Musa dan tiga yang lain digugurkan.

Dr Mahathir menamakan peguam terkemuka Zaid Ibrahim, yang juga ketua Umno bahagian Kota Baharu, untuk mengambil alih tempat Annuar sementara mengekalkan Datuk Mustapa Mohamed sebagai pengerusi Umno negeri.

Turut dilantik ialah timbalan ketua bahagian Umno Bachok dan pengerusi Tenaga Nasional Datuk Dr Awang Adek Hussin, yang menggantikan Datuk Dr Nik Hussain Abdul Rahman, sebagai bendahari; timbalan ketua bahagian Tumpat Nawawi Jusoh yang menggantikan Tuan Hashim Tuan Yaakob (ketua bahagian Kubang Kerian) sebagai setiausaha perhubungan dan timbalan ketua bahagian Peringat Che Alwi Che Ahmad mengambil alih sebagai ketua penerangan daripada Ismail Mamat (ketua bahagian Machang).

-- BERNAMA

NER RON